

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD.  
ZOHDI [SUNGAI BESAR]**

**NO. SOALAN : 4**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi memastikan penduduk luar bandar dapat memiliki rumah sendiri terutamanya yang melibatkan generasi muda.

**JAWAPAN:**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan begitu prihatin bagi menyediakan rumah mampu milik kepada golongan belia luar Bandar. Di Bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Program Rumah Bina Negara (Rumah BN) telah diperkenalkan bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan belia luar bandar khususnya generasi kedua peserta di tanah-tanah rancangan agensi di bawah Kementerian ini seperti FELCRA Berhad dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Di dalam Ucapan Bajet 2016 yang lalu, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan sebanyak 2,000 unit rumah yang akan dibina oleh FELCRA Berhad dan 2,000 unit rumah lagi akan dibina oleh RISDA di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Bagi mencapai sasaran tersebut, RISDA akan membina sebanyak 100 unit Rumah BN buat permulaan bagi tahun 2016 dan sebanyak 475 unit rumah setiap tahun bagi tahun berikutnya sehingga tahun 2020 di seluruh negara.

Sasaran FELCRA Berhad pula bagi tahun 2016-2017 adalah untuk membina sebanyak 1,183 unit Rumah BN di 9 buah lokasi terpilih di seluruh negara. Baki sasaran rumah akan dibina bagi fasa kedua tahun 2018-2020.

Kementerian ini sentiasa prihatin terhadap golongan generasi belia luar bandar yang berpendapatan rendah dan menghadapi kesukaran untuk membeli rumah yang dijual oleh pemaju swasta. Justeru, bagi memastikan generasi kedua ini tidak terbeban dengan bayaran bulanan pinjaman yang tinggi, Kementerian ini telah menetapkan harga Rumah BN yang dilaksanakan oleh RISDA di atas tanah sendiri milik individu dijual pada harga RM45,000.00.

Manakala harga Rumah BN di bawah FELCRA Berhad yang dilaksanakan secara berkelompok di jual pada harga RM75,000.00 seunit.